

ONLINE MEDIA

ONLINE MEDIA : UTUSAN SARAWAK	DATE : 3 OCTOBER 2013
COMPANY : MAA MEDICARE	SECTION/PAGE : NEWS
LINK: http://www.utusansarawakonline.com/news/6410/Lebih-banyak-mesin-hemodialisis-diperlu-u0310M3-OK-10213-820-PM-Page-1-Black-plate/	

Lebih banyak mesin hemodialisis diperlu

KUCHING, Rabu — Pusat Amal Dialisis Persatuan Peningkatan Akhlak Char Har Khor (CHKMUS) - MAA Medicare memerlukan lebih banyak mesin hemodialisis bagi memenuhi keperluan pesakit di pusat itu. Pengurus Kanan Latihan dan Perubatan MAA Medicare Dr Azman Mohd Sharif berkata setakat ini pusat mempunyai 31 buah mesin hemodialisis dan digunakan oleh 158 pesakit. "Justeru kita memerlukan beberapa unit mesin lagi bagi menampung keperluan memandangkan jumlah pesakit dalam senarai menunggu kian bertambah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis meletakkan tag mesin hemodialisis oleh Global Minerals (Sarawak) Sdn Bhd di sini pagi tadi. Menurut beliau dengan jumlah mesin yang sedia ada pusat itu hanya menampung bilangan maksimum 180 orang pesakit sedangkan jumlah pesakit baru mendaftar semakin bertambah. Beliau berkata satu unit mesin hemodialisis itu dapat digunakan oleh enam orang pesakit setiap hari. Oleh itu katanya lagi pusat itu memerlukan lebih banyak mesin bagi menampung keperluan pesakit. Dr Azman juga berkata bagi menampung keperluan pusat itu telah mengadakan sesi rawatan dalam tiga syif bermula jam tujuh pagi hingga 10 malam.

"Setiap sesi rawatan mengambil masa empat jam dan seorang pesakit diwajibkan menjalani tiga kali seminggu," katanya sambil menambah sebilangan besar pesakit datang dari keluarga kurang kemampuan. Beliau berkata setakat ini pusat itu

menerima 158 orang pesakit termasuk 26 orang pesakit hepatitis yang dataangnya dari Kuching, Kota Samarahan, Bau, Lundu, Serian dan kawasan berhampiran lain. Beliau menambah kesemua pesakit ini dirujuk dari hospital kerajaan dan swasta dari kawasan terbabit. Sementara Naib Pengerusi Eksekutif Global Minerals (Sarawak) Sdn Bhd, Alexander Wong berkata sumbangan mesin hemodialisis kepada pusat itu sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat itu.

"Ia bertujuan bagi membantu pesakit buah pinggang dan meringankan beban keluarga masing-masing," katanya. Ini kerana, tambah beliau sebilangan besar pesakit datang dari keluarga susah dan mereka tidak mampu mendapat rawatan di pusat rawatan yang mahal. Di samping itu, katanya lagi ia juga bagi membantu dalam pertambahan jumlah mesin untuk menampung keperluan di pusat terbabit. Wong berharap dengan adanya pertambahan mesin melalui sumbangan itu akan dapat membantu menyelamatkan lebih banyak nyawa terutama pesakit buah pinggang, Beliau turut menggesa syarikatsyarikat besar dan badan korporat lain supaya turut menyumbang kepada mana-mana pusat amal di negeri ini bagi membantu mereka yang memerlukan.

Mesin hemodialisis sumbangan Global Minerals itu dianggarkan bernilai RM40,000 dan ditempatkan di tingkat dua pusat berkenaan bagi kegunaan pesakit yang mempunyai hepatitis. Manakala MAA Medicare adalah sebuah badan bukan kerajaan dan tabung amanah bukan keuntungan telah ditubuhkan pada tahun 1994 bagi membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan.